

Headline	TH intai peluang melabur di Arab Saudi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jun 2015	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	825,000
Page No	54	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	95 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,134
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,402



TH intai peluang melabur di Arab Saudi

Maklumat: Tabung Haji (TH) sentiasa melihat peluang pelaburan baru di Arab Saudi bagi menambah pendapatan yang boleh digunakan untuk menampung kenaikan kos subsidi haji.

Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah berkata, sektor hartanah antara bidang berpotensi untuk diceburi.

“Untuk itu, kami mengadakan perbincangan dengan syarikat pemaju hartanah Arab Saudi mengenai bentuk kerjasama yang boleh dijalinan antara kedua-dua pihak.

“Syarikat berkenaan sememangnya tahu Tabung Haji jenama kukuh. Kami akan terus mencari peluang pelaburan sebegini bagi menjana pulangan dan

pendapatan,” katanya di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar Kanan (Haji) Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman dan Pengurus Besar Kanan (Kewangan Korporat dan Perkhidmatan) Rifina Md Arif.

Mengenai subsidi haji, beliau berkata, secara keseluruhannya TH menanggung kos RM150 juta tahun ini dan jumlah itu menunjukkan peningkatan 16 peratus berbanding tahun lalu.

“Sebahagian besar daripada kos subsidi iaitu 40.5 peratus digunakan untuk penginapan,” katanya sambil menambah TH juga mengadakan perbincangan dengan Hotel Al-Aqiq di Madinah berhubung penyediaan jua-dah Malaysia dalam sebuah restoran di premis berkenaan. - BERNAMA

FAKTA

Sektor hartanah antara bidang berpotensi untuk diceburi

Headline	Datuk Johan Abdullah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	825,000
Page No	53	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	49 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,900
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,700



Datuk Johan Abdullah

*Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan
dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji*

Kami sudah mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat pemaju hartanah Arab Saudi mengenai bentuk kerjasama yang boleh dijalinkan antara dua pihak”

